

# BN beri tumpuan golongan miskin'

UM 1 APR 2001

Oleh SAIFULIZAM  
MOHAMAD dan ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 31 Mac ~ Barisan Nasional (BN) akan menumaukan lebih perhatian ke atas golongan miskin di bandar dan luar bandar melalui hubungan lebih erat antara wakil-wakil rakyat BN dan masyarakat, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yang juga Pengcrusi BN berkata, wakil rakyat perlu lebih kerap turun padang bagi melihat dengan sendiri masalah yang dihadapi oleh masyarakat terbahit termasuk golongan setinggan, dalam usaha untuk menyelesaikannya.

"Kita perlu turun ke padang iaitu kita perlu tengok sendiri.

"Walaupun kita dengar berkenaan setinggan, kita tahu masalah setinggan tetapi kadang-kadang kita tak turun pergi tengok. Bila kita turun pergi tengok baru kita lebih tahu (masalah yang rakyat hadapi)," katanya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Menurut beliau, amalan turun padang harus dijadikan budaya oleh setiap wakil rakyat BN supaya mereka dapat melihat sendiri masalah penduduk di kawasan masing-masing.

Dr. Mahathir berkata, wakil-wakil rakyat juga boleh berusaha menyelesaikan masalah yang timbul seperti isu setinggan dan kemiskinan melalui hubungan yang lebih erat dengan masyarakat.

"Hubungan wakil-wakil rakyat BN dengan masyarakat perlu ditingkatkan bagi memastikan segala masalah yang dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan miskin dapat diselesaikan.

"Kita hanya dapat mengetahui segala masalah yang dihadapi oleh rakyat melalui program" lawatan yang lebih kerap ke kawasan kita," jelas Perdana Menteri.

Pada awal bulan ini, negara telah dikejutkan dengan pergaduhan di Jalan Klang Lama sehingga mengakibatkan

enam orang terbunuh. Antara punca pergaduhan yang dikenal pasti setakat ini ialah masalah kehidupan yang dihadapi penduduk kawasan itu.

Kebanyakan penduduk di kawasan itu terdiri daripada golongan setinggan.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir menegaskan, masalah rakyat tidak akan dapat diselesaikan selagi amalan itu tidak dijadikan satu budaya oleh para wakil rakyat.

"Kita tidak mahu terdapat pihak-pihak yang tidak diberikan tumpuan oleh mereka (wakil rakyat)," katanya lagi.

Sementara itu Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu ketika diminta pandangannya tentang keputusan Dewan Tertinggi BN itu berkata, langkah memberi tumpuan terhadap golongan miskin serta mendampingi rakyat secara lebih kerap adalah amat baik.

Dalam hubungan ini beliau berkata, semua wakil rakyat BN perlu mengambil pendekatan menemui terus rakyat di kawasan mereka dan bukannya menunggu penduduk datang ke pejabat.